

Jabatan Meteorologi tingkat operasi pembenihan awan

UTUSAN ONLINE | 18 September 2019 2:27 PM



Jarak penglihatan sekitar Petaling Jaya terbatas ekoran jerebu dengan IPU mencatatkan bacaan 205 iaitu sangat tidak sihat ketika gambar ini dirakam pada 9 pagi tadi. – BERNAMA

4

SHAH ALAM 18 Sept. - Ekoran keadaan jerebu yang semakin membimbangkan, Jabatan Meteorologi Negeri Selangor akan meningkatkan kekerapan operasi pembenihan awan di kawasan-kawasan terjejas yang mempunyai bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) melebihi 150.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor, Hee Loy Sian berkata, kerajaan negeri juga akan mengadakan perbincangan untuk menyelaraskan keputusan bagi penutupan sekolah-sekolah di seluruh negeri ketika musim jerebu.

"Kita juga akan mengedarkan penutup muka kepada masyarakat setempat yang berisiko terdedah kepada kesan jerebu.

"Malah, kita akan meningkatkan rondaan bagi mencegah pembakaran terbuka oleh agensi-agensinya penguatkuasaan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Pejabat Tanah dan Daerah dan Jabatan Bomba dan Penyelamat," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sementara itu, berhubung pembakaran terbuka yang di sekitar negeri ini, JAS negeri telah mengeluarkan sebanyak 27 kompaun sehingga semalam susulan pembakaran terbuka di sekitar Selangor.

Jelasnya, tiga kertas siasatan sedang dilengkapkan oleh JAS atas kesalahan pembakaran terbuka mengikut Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di seluruh negeri ini.